



## **Majlis Penyampaian Wang Bagi Pemenang Pingat Temasya Sukan Para Asia Hangzhou 2022 Bersempena Hari OKU Antarabangsa 2023**

3 Disember 2023

Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) telah mengadakan satu majlis untuk meraikan Hari OKU Antarabangsa 2023 di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kampong Pandan pada 3 Disember 2023. Acara kemuncak majlis tersebut ialah penyampaian wang saguhati kepada semua pemenang pingat bagi temasya Sukan Para Asia Hangzhou 2023.

Presiden MPM, Dato Sri Megat D Shahriman bin Dato Zaharudin telah merasmikan majlis tersebut dan menyampaikan wang saguhati sebanyak RM 37500.00 kepada 39 pemenang pingat. Pemenang pingat emas telah menerima RM 2000, perak RM 1000 dan gangsa RM 500. Kesemua wang ini adalah dari sumbangan 99 Speedmart kepada MPM.

Para hadirin termasuk beberapa wakil dari 99 Speedmart Sdn Bhd yang diketuai oleh En. Mohd Mahrus Bin Mohd Faizail, Pengurus Kanan Bahagian Cawangan (Operasi), Ahli Lembaga Eksekutif MPM dan ahli keluarga atlet yang diraihkan.

Dato Sri Megat dalam ucapan telah memberi beberapa infomasi berkenaan Hari OKU Antarabangsa dan penajaan 99 Speedmart. Teks ucapan beliau adalah seperti berikut.

“Kita sering meraikan pelbagai hari ingatan – seperti Hari Jadi – Hari Pekerja – Hari Ibu / Bapa dan sebagainya. Tetapi Hari Antarabangsa untuk Orang Kurang Upaya (OKU) itu kurang popular dan kurang diraihkan secara meluas seluruh negara. Ramai yang kurang tahu atau sedar berkenaan Hari Antarabangsa OKU.

1. Sebagai permulaan – Apa itu Hari OKU Antarabangsa?
  - a. Menurut Statistik Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO) – 15% daripada Penduduk Dunia Adalah OKU.

- b. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) – Menyedari realiti ini dan telah mengambil pelbagai langkah untuk melindungi hak dan menggalakkan aspek kesaksamaan untuk OKU.
  - c. Salah satu daripada ini – International Day for Persons With Disability atau Hari Antarabangsa Untuk Orang Kurang Upaya yang diraikan setiap tahun pada 3 Disember sejak 1992.
  - d. Setiap tahun PBB menjana tema yang berbeza – untuk membawa pertumbuhan seimbang dan inisiatif inklusif bagi warga OKU.
  - e. Untuk tahun 2023 – Tema untuk ialah:
    - “Bersatu Bertindak Untuk Menyelamat dan Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan **Untuk, Dengan dan Oleh Warga OKU.**”
    - Tema 2023 meminta semua orang bekerjasama untuk menjadikan dunia lebih baik dan adil untuk orang kurang upaya.
2. Statistik OKU di Malaysia menunjuk seramai 14.2% iaitu, 4.2 juta rakyat Malaysia adalah dari pelbagai warga OKU.
3. Objektif utama Majlis Paralimpik Malaysia adalah untuk memacu Gerakan Paralimpik di Malaysia – untuk membawa perubahan yang mampan kepada kehidupan OKU melalui sukan para.
4. Sejak penubuhan MPM pada 18 Mei 1989 – MPM telah maju daripada sukan berasaskan carnival untuk OKU kepada penggerak sukan elit untuk OKU.
5. Pengiktirafan dan populariti MPM berkembang dengan pesat apabila atlet OKU negara memenangi 3 Pingat Emas buat kali pertama semasa Sukan Paralimpik Rio pada 2016.
6. Pengiktirafan dan pencapaian ini diperkuuhkan lagi semasa Sukan Paralimpik Tokyo 2020 – di mana MPM memperoleh 3 lagi pingat emas.
7. Dengan pembangunan dan pengiktirafan ini, bukan sahaja kerajaan telah memperuntukkan dana tambahan – tetapi kita kini melihat sektor swasta terlibat dan menyumbang untuk pembangunan masyarakat OKU.

8. Hari ini kita menyaksikan 99 Speedmart yang mendapat penghormatan sebagai penyumbang utama Gerakan Paralimpik dalam sejarah MPM.
9. 99 Speedmart telah memberi sumbangan RM 250,000 setahun untuk 3 tahun akan datang bagi pembangunan Gerakan Paralimpik dalam negara.
10. Kami harap dengan Pulangan Pelaburan yang diperoleh daripada memperjuangkan Gerakan Paralimpik di Malaysia – 99 Speedmart mungkin ingin mengembangkan skop mereka dan menjadi rakan kongsi jangka panjang dengan MPM dalam beberapa tahun akan datang.
11. Hubungan kami dengan 99 Speedmart tertumpu kepada Pengenalpastian Bakat atau Talent Identification dan Ganjaran bagi ahli sukan OKU yang berjasa. Hari ini kita melihat pencapaian objektif kedua ini – Untuk memberi ganjaran kepada ahli sukan yang memenangi pingat semasa Sukan Para Asia yang berakhir baru-baru ini di Hangzhou, China.
12. Atlet negara telah memenangi sejumlah 39 pingat – melebihi sasaran – laitu 35 pingat. Seperti yang dijanjikan – MPM akan memberi wang untuk setiap pemenang pingat seperti berikut:
  - a. Pemenang Pingat Emas RM 2000
  - b. Pemenang pingat perak RM 1000
  - c. Pemenang Pingat Gangsa RM 500
13. Sebanyak RM 37,500 – diagihkan hari ini. Ini mungkin jumlah yang kecil untuk individu – tetapi menjadi harapan kami – terutamanya untuk kedua-dua 99 Speedmart dan MPM – supaya sumbangan ini boleh memberi impak yang sewajar untuk meringankan cabaran yang dihadapi oleh OKU.
14. Kepada 99 Speedmart – Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan anda yang murah hati dan kami memberi jaminan bahawa segala sumbangan ini akan digunakan dengan berfaedah untuk membawa beberapa perubahan dalam kehidupan ahli sukan dari komuniti warga kurang upaya yang bertungkus-lumus menyumbang untuk mengharumkan nama dan imej negara dalam sukan.
15. Kepada Kementerian Belia & Sukan – kami mengucapkan terima kasih atas sokongan berterusan melalui agensi kerajaan seperti MSN, ISN dan PJS.

16. Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kami mengucapkan terima kasih diatas pelbagai initiatif yang diambil bagi mertabatkan hak istimewa komuniti OKU.
17. Kepada Kumpulan Media, kami mengucapkan terima kasih kerana menyebarkan berita mengenai perkembangan Gerakan Paralimpik – kami berharap dengan sokongan anda, kita dapat meningkatkan kesedaran tentang Sukan Para dan penglibatan ibu bapa yang mempunyai warga OKU.
18. Kepada orang awam – pada hari yang penting ini untuk OKU – kami merayu kepada ibu bapa dan keluarga yang mempunyai warga OKU untuk tampil ke hadapan dan membantu untuk membuat perubahan dalam kehidupan OKU melalui sukan.
19. Dengan semua usaha ini kami harap ia akan meningkatkan kesedaran dan penyertaan oleh sektor swasta untuk memacu Gerakan Paralimpik di Malaysia.
20. Sekian Terima Kasih.”